

# 01

EDISI PERTAMA



# GSM f&sr

GALERI SENI MERBOK UITM KEDAH



[www.kedah.uitm.edu.my](http://www.kedah.uitm.edu.my) JANUARI - JUN 2018

## **GALERI SENI MERBOK**

FAKULTI  
SENI LUKIS  
& SENI REKA

Seni Reka  
Perindustrian

Grafik &  
Media Digital

Batik Merbok  
UiTM Kedah

Ahli Jawatankuasa  
Galeri Seni Merbok  
2018-2019

Pencapaian Jabatan GRAFIK  
& Aktiviti Pelajar

LAWATAN KE GALERI SENI MERBOK:  
APRESIASI SENI

## AHLI JAWATANKUASA *Galeri Seni Merbok*

oleh: Faryna Mohd Khalis



# S

ebagai naskah pertama keluaran Galeri Seni Merbok, fakulti telah menubuhkan satu AJK kecil bagi memastikan kelancaran pengurusan galeri dapat diuruskan bersama. Galeri kini diketuai oleh Dr Azhari, Faryna sebagai kurator, En Taufik sebagai penolong kurator, Pn Suhaila sebagai setiausaha, En Fazlan sebagai AJK susun atur galeri, Dr Neesa Ameera AJK Aktiviti dan En Syafiq selaku AJK Publisiti dan Dokumentasi galeri. Semoga penubuhan AJK ini memberi impak yang lebih cemerlang buat galeri dan fakulti seni lukis dan seni reka UTM Kedah.

## SIDANG REDAKSI

Penasihat  
Prof. Madya Dr Shaiful Annuar Khalid

Ketua Editor  
Dr Azhari Md Hashim

Editor  
Dr Faryna Mohd Khalis

Reka Letak Grafik  
Dr Faryna Mohd Khalis

Penerbit  
Galeri Seni Merbok

Jurugambar  
En Nizar Nazrin, En Syafiq & Arisya Ayu

### **PENULIS**

Shuhaila Md Shahid

Dr Faryna Mohd Khalis

Dr Azhari Md Hashim

En Zaidi Yusoff

Cik Syahrini Shawalludin

Dr Neesa Ameera Mohamed Salim

En Mohamat Najib Mat Noor

Cetakan

Perpustakaan Sultan Badlishah

GALERI SENI MERBOK  
*Sejarah Penubuhan*  
oleh: Zaidi Md Yusoff



G

aleri Seni Merbok telah dirasmikan pada 1 Ogos 2016 oleh YBHG. Prof Emeritus Dato' Dr Hassan Said iaitu Naib Cancellor Universiti Teknologi MARA. Walau bagaimanapun galeri ini telah diwujudkan pada tahun 2004 selaras dengan tertubuhnya Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka melalui kursus Seni Reka Perindustrian. Kewujudan galeri ini adalah untuk memberi pendedahan dan maklumat kepada masyarakat dan pelajar-pelajar di universiti, kolej dan sekolah mengenai kursus yang dijalankan melalui karya yang dihasilkan pelajar. Sebagai inisiatif untuk memelihara dan menghargai penubuhan galeri ini, beberapa cadangan pengubahsuaian kecil akan dilakukan untuk penaiktarafan galeri kepada tahap yang lebih baik.

**AHLI  
JAWATAN  
KUASA  
GALERI  
SENI  
MERBOK**

- Kurator  
**Dr Faryna Mohd Khalis**
- Penolong Kurator  
**En Mohd Taufik Zulkefli**
- Setiausaha  
**Pn Shuhaila Md Shahid**
- Susun Atur Galeri  
**En Fazlan & Dr Wan Nor Faizah**
- Aktiviti  
**Dr Neesa Ameera Mohamed Salim**
- Publisiti/ Dokumentasi  
**En Syafiq Abd Samat**



## BATIK MERBOK

### *Kekal Imej Eksklusif & Mewah*

oleh: Zaidi Md Yusoff

Batik Merbok merupakan produk pertama UITM Kedah yang diilhamkan oleh mantan Ahli Parlimen Merbok suatu masa dahulu. Kewujudan Batik Merbok adalah inisiatif UITM untuk menjadikannya sebagai salah satu destinasi tarikan yang mesti dikunjungi. Keindahan serta kreativiti hasil kerja tenaga pengajar dan pelajar-pelajar Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka ini wajar dipamerkan dalam usaha mempromosikan serta ianya mampu membantu menjana pendapatan Batik Merbok dan juga kampus UITM Kedah. Sehubungan dengan itu wajarlah ruangan jualan yang lebih eksklusif diwujudkan atas dasar promosi dan penajanaan pendapatan.

Kewujudan ruang jualan Batik Merbok ini memudahkan seluruh warga kampus serta pengunjung luar yang ingin mendapatkan koleksi cenderahati yang eksklusif dan mampu dimiliki oleh semua pengunjung yang melawat UITM Kedah. Melalui usaha ini juga diharap ianya mampu menjana pendapatan serta mempromosikan UITM Kedah serta Batik Merbok melalui penghasilan cenderahati seperti koleksi pakaian lelaki dan wanita, ukiran kayu, cetakan lukisan digital khat di atas kanvas dan lain-lain lagi.